



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN EKONOMI**

**SESI LIBAT URUS RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS (RMK13) 2026 - 2030
ZON UTARA**
Melakar Semula Pembangunan

Sesi libat urus (SLU) Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) 2026 – 2030 Zon Utara merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Persekutuan untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dalam mencapai hasrat murni bagi merealisasikan pelaksanaan RMK13. SLU Wilayah Utara yang diadakan pada hari ini di Bayan Lepas, Pulau Pinang adalah yang pertama diadakan selepas RMK13 diluluskan di Dewan Rakyat pada 25 Ogos 2025 dan Dewan Negara pada 3 September 2025 yang lepas.

SLU ini bukan sekadar sesi untuk berkongsi inti pati hala tuju pembangunan negara bagi lima tahun yang akan datang tetapi satu proses bersama untuk memastikan lakaran pembangunan negara yang telah digarap di dalam RMK13 dapat dilaksanakan dengan jaya.

RMK13 dirangka untuk memastikan Malaysia terus maju dengan pertumbuhan yang mampan dan terangkum. Namun, kejayaan pelan ini tidak mungkin dicapai tanpa kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Melalui RMK13, setiap negeri akan menjadi pemacu pertumbuhan serantau, sambil memperkasa rakyat agar hidup bermaruah dan sejahtera.

Menurut YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II memangku Menteri Ekonomi dalam ucapannya pada hari ini, RMK13 dipacu oleh empat tonggak utama iaitu meningkatkan kerencaman ekonomi; meningkatkan mobiliti sosial, mempercepat pelaksanaan agenda reformasi perkhidmatan awam; dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. Tonggak ini disokong oleh 122 strategi, lebih daripada 600 inisiatif dan penetapan 162 KPI Nasional bagi memastikan dasar yang dilaksanakan tidak hanya dilihat dari satu dimensi sahaja, tetapi menekankan hubung kait pelbagai aspek dalam pembangunan.

“Kita tidak sekadar mahu mencapai status negara berpendapatan tinggi, malah kita mahu rakyat terbanyak, di kota mahupun di desa, dari Perlis sampai ke Perak, menikmati kemudahan dan kehidupan yang selesa, mendapat peluang yang saksama untuk terus melangkah maju selari dengan hasrat menaikkan martabat darjat dan harakat rakyat”, katanya.

Bagi tempoh RMK13, Kerajaan telah memberi komitmen untuk menyediakan pelaburan sebanyak RM611 bilion yang merangkumi RM430 bilion peruntukan pembangunan (DE) daripada Kerajaan serta disokong oleh pembiayaan daripada GLC dan GLIC berjumlah RM120 bilion dan RM61 bilion melalui kaedah perkongsian awam swasta (PPP).

Tumpuan pengagihan DE akan terus diberikan kepada enam (6) negeri yang kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Dalam hal ini, semua projek yang telah diluluskan dalam RMKe-12 akan diteruskan manakala pemilihan projek pembangunan seterusnya akan dibuat berasaskan data serta keperluan sebenar rakyat dan keutamaan negeri, agar pembangunan yang dirancang lebih terangkum, seimbang dan mampan.

Tambah beliau, Kementerian komited ke arah menjadikan sesi ini sebagai satu pendekatan komprehensif dan terangkum supaya RMK13 memberi manfaat kepada seluruh lapisan masyarakat tanpa ada golongan yang tercicir dalam mendapatkan manfaat hasil daripada perancangan lima tahun mendatang.

“InsyaAllah, saya yakin dan percaya, melalui penetapan hala tuju dan strategi yang tepat, kita mampu mencapai kejayaan cemerlang dengan syarat semua pihak berganding bahu, bekerjasama sebagai satu entiti yang utuh, serta tidak silo dalam melaksanakan perancangan yang diatur,” ujar beliau.

Sesi penerangan dan SLU RMK13 akan diteruskan ke zon yang lain termasuk di semua negeri dan kementerian secara berterusan pada tahun ini.

Kementerian Ekonomi

Putrajaya

23 September 2025